

09 JUL 2004

PEMUDA TAMBUN CALONKAN HISHAMUDDIN, KHAIRY TERAJUI PEMUDA UMNO

IPOH, 9 Julai (Bernama) -- Pemuda Umno Bahagian Tambun yang mengadakan persidangan perwakilan bahagian malam ini sebulat suara mencalonkan Ketua Pemuda Umno Datuk Hishamuddin Tun Hussein untuk mempertahankan jawatannya pada pemilihan pergerakan itu September ini.

Khairy Jamaluddin pula dicalonkan untuk bertanding jawatan naib ketua pergerakan itu.

Bahagian itu turut mencalonkan Anggota Dewan Undangan Negeri (Adun) Gunung Semanggol Abdul Muhaimin Abdul Rahman Nazri untuk bertanding jawatan Pengerusi Tetap sayap kanan Umno itu manakala Muhammad Bushro Mat Johar dari Selangor sebagai Timbalan Pengerusi Tetap.

Bagi jawatan exco Pemuda, antara yang dicalonkan ialah lapan orang Ketua Pemuda bahagian di Perak iaitu Ketua Pemuda Pasir Salak yang juga Penolong Setiausaha Pemuda Umno negeri Perak Zainol Fadzi Paharuddin, Ton Zalani Mat Darus (Taiping).

Pazli Abdullah Sani (Tapah), Shamsul Anuar Nasarah (Lenggong) dan Syed Mohd Noor Azmi Syed Nazri Hassan (Ipoh Barat), Mohd Azhar Jamaluddin (Teluk Intan), Datuk Amernordin Osman (Kuala Kangsar) dan Wan Azizi Wan Mohamad (Gerik).

Turut dicalonkan anak bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad, Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir.

Pada mesyuarat malam ini, Nasir Ismail sekali lagi diberi peluang menerajui Pemuda Umno Bahagian Tambun apabila menang tanpa bertanding jawatan itu.

Jawatan naib ketua pula dimenangi Azizul Kama Abd Aziz, juga tanpa bertanding.

-- BERNAMA

KAY LAT